



SIARAN MEDIA

UDA OUTREACH PROGRAM : JOM KESEKOLAH

UDA Sumbang Peralatan Sekolah Bernilai RM54 Ribu Kepada 2003 Orang Murid Tahun 1 di Sekitar Parlimen Wangsa Maju

Kuala Lumpur, 30 Dis 2017 – Seakan menjadi tradisi menjelang penggal persekolahan yang baharu, banyak organisasi terpanggil untuk memberikan sumbangan kepada pelajar terutamanya pelajar Tahun 1 yang bakal merasai suasana pembelajaran yang sebenar. Sehubungan itu, UDA Holdings Berhad (UDA), sebuah syarikat hartanah dan pengurusan aset yang mampan di Malaysia juga tidak melepaskan peluang untuk melaksanakan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) sebelum berlabuhnya tirai 2017.

Program yang dikenali sebagai UDA Outreach: Jom ke Sekolah ini merupakan agenda tahunan UDA, bertujuan untuk membantu meringankan beban ibu-bapa yang kurang berkemampuan untuk menyediakan peralatan sekolah dan pada masa yang sama juga untuk memberi suntikan semangat kepada para pelajar Tahun 1 yang akan memulakan sesi persekolahan tidak lama lagi.

YBhg Datuk Seri Dr. Mohd Shafei Abdullah berkata, “bagi merealisasikan program UDA Outreach : Jom Ke Sekolah, penajaan sebanyak RM54 ribu disumbangkan kepada 2003 orang pelajar Tahun 1 untuk membeli peralatan persekolahan bagi 11 buah

sekolah di sekitar Parlimen Wangsa Maju. Di antara sekolah yang terpilih adalah SJK (C) Nan Yik 'Lee Rubber', SJK (C) Mun Yee, SK Danau Kota, SK Setapak Indah, SK Taman Melati, SK Wangsa Maju Seksyen 4, SK Desa Setapak, SK Wangsa Melawati, SK Danau Kota 2, SK Wangsa Maju Seksyen 1 dan SK Wangsa Maju 2. Program UDA Outreach : Jom Ke Sekolah pada kali ini diadakan dalam 2 sesi serahan set alat tulis di mana sesi yang pertama diadakan pada hari ini, manakala sesi kedua akan diteruskan pada awal Januari 2018".

Program seawal jam 8 pagi ini dimulakan dengan lawatan ke 3 buah sekolah di sekitar Wangsa Maju sekali gus menyerahkan set peralatan tulis kepada semua pelajar Tahun 1 yang sedang menjalani sesi orientasi oleh YBhg Datuk Seri Dr. Mohd Haji Shafei Abdullah, Pengerusi UDA merangkap Ketua UMNO Bahagian Wangsa Maju, diiringi oleh YBhg Datuk Ahmad Abu Bakar, Ketua Pengarah Urusan Kumpulan UDA dan juga kakitangan UDA Holdings Berhad.

Program ini diteruskan lagi dengan sesi membeli-belahdi mana seramai 85 orang pelajar Tahun 1 dari SK Desa Setapak dibawa ke Aeon Alpha Angle, Wangsa Maju untuk memilih sendiri kelengkapan sekolah bernilai RM60.00setiap orang.

Menurut Shafei, "sumbangan RM60.00 bagi setiap pelajar itu adalah untuk membeli keperluan sekolah seperti bag , baju dan juga kasut sekolah. Justeru, kami berharap sedikit sumbangan ini dapat memberi impak positif kepada pelajar dan semoga ia dapat menyumbang kepada keyakinan diri dan kejayaan mereka dalam pembelajaran harian. Banyak tanggungjawab yang perlu dipikul oleh ibu-bapa dan guru-guru dalam mendidik insan murni ini dan ia memerlukan dedikasi yang tinggi dari semua pihak. Justeru itu, kami akan cuba membantu sedaya mungkin selaras dengan tanggungjawab sosial korporat (CSR) UDA. Semoga sedikit sumbangan ini dapat menyuntik semangat pelajar untuk memulakan alam persekolahan dan memberi

motivasi untuk berusaha dan belajar bersungguh-sungguh bagi mencapai kecemerlangan dalam pelajaran” tambah beliau.

“UDA juga baru-baru ini, telah menyumbangkan zakat sebanyak RM420 ribu kepada beberaparumah kebajikan, rumah tahfiz dan sekolah agama di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bahru menerusi program UDA Outreach; Enriching Life”. Tambah beliau lagi, “UDA akan sentiasa peka dan komited dalam melaksanakan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dari semasa ke semasa bagi memastikan keseimbangan di antara menjana keuntungan yang optimum dalam setiap projek yang diusahakan dan dalam masa yang sama, membantu golongan yang memerlukan”.

TAMAT

MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD

UDA Holdings Berhad (UDA), merupakan salah satu organisasi pembangunan hartanah dan pengurusan aset yang mampan dan terkemuka di negara ini. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan harta dan fasiliti, kompleks beli-belah serta industri pelancongan. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Lembah Klang dan bandar-bandar utama lain di Malaysia sejak tahun 1971.

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari laman sesawang kami di www.uda.com.my.

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- Latifah Osman (Lat) | lat@udanet.com | +60122915427
- Norazuana Abdullah (Wana) | norazuana@udanet.com | +6019 223 9153

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan
UDA Holdings Berhad, Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,
Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.

Tel : +603 2730 8500 | Fax : +603 2731 2855